

**MRT laluan 1 tidak beri kesan kenaikan kos kepada kerajaan, kata PM
Malaysian Insider
Oct 22, 2015**

Projek Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) Laluan Satu (1) yang menghubungkan Sungai Buloh-Kajang tidak memberi sebarang kesan kenaikan kos kepada kerajaan walaupun kejatuhan nilai ringgit.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata nilai kesemua kontrak pembinaan termasuk kontrak untuk kerja sistem yang melibatkan kontraktor luar negara adalah dalam mata wang ringgit.

Beliau yang juga menteri kewangan berkata kontrak berkenaan ditetapkan sebelum nilai ringgit mengalami kemerosotan.

"Dalam hubungan ini, sebarang kenaikan kos yang berlaku disebabkan kejatuhan nilai ringgit akan ditanggung pihak kontraktor.

"Sehingga kini, kenaikan kos yang ditanggung kontraktor adalah sebanyak RM600,000," kata Najib dalam satu jawapan bertulis kepada Datuk Ahmad Fauzi Zahari (BN-Setiawangsa).

Beliau berkata status kemajuan Projek MRT Laluan Satu ini masih mengikut jadual yang ditetapkan dan telah mencapai tahap 70.21% kemajuan.

Fasa satu projek iaitu dari Sungai Buloh ke Semantan dijangka siap dan mula beroperasi pada 31 Disember, 2016 manakala fasa kedua projek pula iaitu Semantan ke Kajang dijadual siap dan beroperasi pada 31 Julai 2017. – Bernama, 22 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mrt-laluan-1-tidak-beri-kesan-kenaikan-kos-kepada-kerajaan-kata-pm>